

157
SOALAN NO: 70

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL GHAPUR BIN SALLEH
KAWASAN : KALABAKAN
TARIKH : 13 MAC 2018, SELASA

SOALAN:

YB DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL GHAPUR BIN SALLEH
minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah Kementerian pernah meninjau dan menilai kualiti jalan raya/ lebuh raya di Sabah. Sekiranya ada bolehkah pihak Kementerian memberikan laporan terperinci sehingga kini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya sentiasa mempertingkatkan aspek kualiti bagi penyenggaraan jalan-jalan Persekutuan di seluruh negara termasuklah di negeri Sabah.

Antara langkah-langkah untuk mempertingkatkan kualiti penyenggaraan jalan persekutuan adalah dengan mengaplikasikan penggunaan teknologi baru seperti *Cold-In-Place Recycling* (CIPR). Di samping itu, penggunaan teknologi lain seperti *Polymer Modified Asphalt* (PMA), *Stone Mastic Asphalt* (SMA) dan *Cuplump Modified Asphalt* (CMA) bertujuan untuk meningkatkan tahap kualiti jalan yang disenggara. Bagi tempoh jangka panjang teknologi baru ini memberikan hasil yang lebih baik dan dapat mengurangkan kos sehingga 30% daripada kaedah konvensional sedia ada.

Bagi memastikan kualiti dan keberkesanan penyenggaraan jalan-jalan Persekutuan, Kementerian Kerja Raya sentiasa melaksanakan pemantauan terhadap prestasi syarikat-syarikat konsesi melalui aktiviti lawatan pemantauan sebanyak tiga (3) kali setahun dan Mesyuarat Penyelaras/Pemantauan Jalan Persekutuan sebanyak empat (4) kali setahun. Sebanyak 33 Laporan Ketidakakururan (NCR) telah dikeluarkan pada tahun 2017 kepada syarikat konsesi berikut kerja-kerja yang tidak mematuhi spesifikasi kontrak. Ini melibatkan pemotongan dan penalti bayaran. Dalam masa yang sama, pihak JKR Negeri turut juga bertanggungjawab untuk mengawasi kerja-kerja penyenggaraan yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi. Ini dibuat melalui pengujian dan

159
penyemakan laporan pengesahan kualiti (Quality Assurance-QA) dan laporan kawalan kualiti (Quality Controll-QC) sebelum bayaran disahkan.

Sekian, terima kasih.